

27 JAN 1996

Muhyiddin - Naib

ELAKKAN DARI KEMPEN BERPASUKAN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Calon-calon bagi jawatan naib presiden pada pemilihan parti Oktober ini perlu mengelakkan daripada berkempen secara berpasukan bagi mengekalkan perpaduan dalam parti, kata naib presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya setuju dengan saranan presiden UMNO agar tiada amalan team dalam pemilihan kali ini. Kita boleh amalkan corak kempen yang lain asalkan tidak menimbulkan perpecahan," katanya di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar calon yang bertanding jawatan naib presiden tidak mewujudkan amalan berpasukan menjelang pemilihan UMNO tahun ini.

Muhyiddin, yang telah menawarkan diri mempertahankan kerusi itu, berkata semua pihak yang terlibat dalam pemilihan kali ini perlu mengikut nasihat Dr Mahathir dan mengikut etika yang ditetapkan Majlis Tertinggi parti.

"Saya fikir ahli-ahli tahu soal yang dipentingkan ialah perpaduan dan saya yakin ia menjadi pegangan semua pihak. Elakkan daripada kempen yang keterlaluan," katanya selepas melawat Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil di sini.

Muhyiddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata suasana kempen adalah sederhana dan yakin anggota parti akan memilih berdasarkan rekod dan kemampuan seseorang calon.

Selain Muhyiddin, dua penyandang sekarang, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib serta Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut menawarkan diri untuk bertanding jawatan itu.

Mengenai peluangnya mempertahankan jawatan itu, Muhyiddin yakin anggota parti akan menilai dari segi ketokohan seseorang calon dan sumbangan yang tekah diberikannya kepada parti.

Beliau berkata tidak terdapat sebarang perubahan dari segi sokongan UMNO Johor terhadapnya dan semua bahagian UMNO negeri itu memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada beliau selaku Ketua Perhubungan UMNO Johor.

"Mereka tetap mahu melihat UMNO Johor diwakili di peringkat tertinggi pusat," kata Muhyiddin, bekas Menteri Besar Johor. -- Bernama.